

# Kelantangan di laman media sosial bukti emosi atasi ilmu

**Budaya membaca mampu lahirkan masyarakat berfikir sebelum bertindak**

Tidak dinafikan pengguna laman media sosial di Malaysia begitu ramai sekali. Kebanyakan pengguna terdiri daripada pelajar, pekerja mahupun suri rumah. Mempunyai akaun facebook, twitter, instagram sebagai trend masa kini apabila kebanyakan maklumat dapat dimuat turun mahupun diakses hanya melalui telefon pintar. Dengan pelbagai pakej yang ditawarkan oleh syarikat komunikasi jalur lebar, pengguna dapat menikmati semaksimum mungkin penggunaan dalam talian di mana-mana saja mereka berada pada bila-bila masa. Bagi membuka akaun mana-mana laman media sosial, pengguna hanya perlu mendaftar dengan memberikan beberapa maklumat peribadi dan boleh mempunyai seberapa banyak akaun yang mereka mahu.

Dengan kemudahan yang ada, banyak masa digunakan untuk berbual di alam maya bersama rakan di laman media sosial bagi berbincang mengenai isu yang diutarakan. Daripada isu sukan, fesyen, agama mahupun politik, perbincangan kadang-kadang menjadi lebih hangat apabila isu sensitif dibualkan sehingga mengundang pergaduhan dan menggariskan hati sesetengah pihak.

## Kelantangan cermin peribadi

Lebih menyedihkan apabila seseorang yang berkawan lama boleh memutuskan persahabatan dengan hanya menekan butang unfriend disebabkan pertelingkahan pendapat dalam sesuatu isu. Kelantangan menyuarakan pendapat ini secara tidak langsung mencerminkan peribadi seseorang itu. Susunan kata-kata, penggunaan simbol serta hujah yang digunakan kadang-kadang menggambarkan sikap serta pemikiran sebenar seseorang individu. Kematangan memberi serta menerima pendapat tidak langsung digunakan seolah-olah hanya pendapat yang diberikan itu benar.

Inilah yang dikatakan apabila emosi melangkaui segalanya. Sikap keterbukaan dalam memberi pendapat bagi isu yang dibincangkan diakhiri dengan pertelingkahan serta penggunaan kata-kata kesat. Ada yang mengatakan orang Malaysia boleh dibawa berbincang secara santai mengenai makanan, sukan dan hiburan tetapi tidak sekali-kali apabila isu agama serta politik diutarakan.


Maka timbullah pelbagai persoalan, tanda tanya serta mempertikaikan pandangan orang lain dan menepikan langsung pendapat mereka. Cuba perhatikan respon dalam mana-mana pos dan amati.

## Komen berbau perkauman

Kenapakah ini terjadi? Bukankah orang Malaysia dikatakan kaya dengan sifat lemah lembut serta berbudu bahasa? Adakah kewujudan teknologi sebegini mematkan sifat yang dimiliki selama ini ataupun teknologi membentuk satu sifat semula yang baru oleh komuniti siber Malaysia. Komen berbau perkauman juga turut menjadi ancaman ke atas perpaduan rakyat dan ini adalah amat merisaukan. Bayangkan masa yang diperuntukkan di alam maya khususnya laman media sosial memakan lebih masa daripada membaca buku mahupun berkomunikasi dengan orang sekeliling. Sifat negatif dari komen di laman media sosial secara tidak langsung turut mempengaruhi sikap pembaca dan sekiranya tidak ditangani akan membentuk sikap seseorang itu. Rasa benci, marah dan geram akan menjadi lebih parah lagi sekiranya diapikannya oleh komen-komen yang lain.

Maklumat yang diterima hasil daripada komen yang dibaca akan dikira benar dan menjadi fakta tanpa sebarang rujukan primer. Ini amatlah membimbangkan sekiranya sikap tidak ambil kisah mengenai kesahihan sumber serta mempercayai sesuatu tanpa pengetahuan serta rujukan yang sahih dijadikan amalan, ia boleh mendatangkan fitnah yang akan memporak-perandakan sesuatu masyarakat, institusi mahupun organisasi. Justeru, apakah yang patut dilakukan atau siapa yang perlu bertanggungjawab dalam hal sebegini?

Perubahan sebenar perlu dilakukan bermula daripada diri sendiri. Budaya cintakan ilmu khususnya melalui pembacaan wajar dipupuk bagi melahirkan masyarakat yang berfikir sebelum bertindak atau berkata-kata. Bacaan ilmiah dapat membantu dari segi membentuk peribadi terutamanya dari segi berkomunikasi. Rujukan pembacaan juga perlu diambil kira dari segi kesahihan serta ianya perlulah dibaca oleh kedua-dua belah pihak. Kebolehan memberi pendapat serta menyuarakan hujah berdasarkan bacaan dapat menunjukkan kematangan seseorang itu serta keluasan ilmu pengetahuan yang dimiliki. Penggunaan perkataan yang sesuai juga perlu dititikberatkan kerana ini kadangkala membawa pelbagai interpretasi oleh pembaca yang lain. Sikap keterbukaan dalam menerima pendapat yang bercanggah haruslah dijadikan amalan. Terimalah seadanya. Tidak semua orang akan bersetuju dengan pendapat kita. Rambut sama hitam, hati lain-lain. Kadangkala terdapat kekejaman yang kita ada dalam diri ini yang masih perlu diperbaiki lagi. La-



Memberi pendapat dan menyuarakan hujah berdasarkan bacaan dapat menunjukkan kematangan seseorang itu serta keluasan ilmu pengetahuan yang dimiliki. (GAMBAR IHSAN)

man media sosial seharusnya dijadikan tempat bertukar fikiran, berkenalan dan bukannya laman untuk menunjukkan siapa juara.

Selain daripada itu, budi bahasa juga hendaknya dijaga kerana ia mencerminkan sikap dan peribadi kita. Penggunaan kata-kata yang tidak sesuai boleh digantikan dengan perkataan yang lebih santai yang tidak membentuk suasana ataupun keadaan yang tegang dalam perbualan di alam maya. Keadaan menjadi lebih teruk lagi sekiranya penulis yang memberi komen itu adalah kakitangan awam atau seseorang yang mempunyai kedudukan dalam mana-mana organisasi. Secara tidak langsung ia menjatuhkan nilai sebuah organisasi.

## Fitnah bukan ajaran agama

Keperluan untuk mengaplikasikan didikan agama dalam berkomunikasi amatlah dituntut. Berbual dengan penuh adab serta tidak menyakit hati orang lain. Sekiranya ingin menegur, tegur dengan penuh hikmah. Adakalanya berdiam adalah lebih baik daripada berkata-kata. Sekiranya ingin berkata-kata, ucaplah perkara yang baik-baik. Fitnah dan hasutan bukanlah ajaran agama dan tidak seharusnya dijadikan amalan.

Pendidikan di sekolah tidak seharusnya dipersalahkan. Nilai murni turut disepadukan dalam kurikulum dan diintegrasikan di dalam subjek-subjek yang diajar. Di dalam latihan lisan juga, pelajar turut diajar berkomunikasi dalam kumpulan. Sebagai contoh, dalam peperiksaan MUET, pelajar didedahkan cara berkomunikasi dalam kumpulan. Mungkin subjek komunikasi di alam maya perlu dimasukkan dalam kurikulum supaya pelajar lebih cakna dalam menggunakan laman media dengan lebih arif lagi. Walau bagaimanapun untuk masa terdekat ini, apa yang perlu ditekankan oleh warga pendidik mahupun sekolah adalah bagaimana pelajar mengaplikasikan ni-

lai ini di alam maya.

Ibu bapa juga tidak ketinggalan dalam membantu menangani masalah ini daripada merebak sehingga menjadi seperti barah dalam pemikiran mahupun peribadi anak. Tanamkan sifat rajin membaca serta berbincang dengan mereka mengenai sesuatu isu. Tidak salah untuk berfikir secara kritikal tetapi hendaklah kena pada tempatnya terutamanya dalam menyuarakan pendapat. Selitkan nasihat agar mereka menyedari apa yang harus mereka perbaiki. Belajarlah juga menerima pendapat anak dan bersikap terbuka kerana ia sedikit sebanyak dapat membantu dalam membentuk peribadi anak. Ibu bapa juga perlu menjadi contoh kepada anak. Perhatikan serta awasi anak ketika mereka berinteraksi di laman sosial.

Kita selaku pengguna laman media sosial mempunyai tanggungjawab yang perlu dipikul bersama serta dapat memberi sumbangan dalam menangani masalah. Jadilah contoh kepada pengguna laman media sosial yang lain. Kemampuan mengawal emosi dalam memberi pendapat mahupun hujah berjaya menunjukkan yang seseorang itu bijak dalam menyampaikan pendapat. Sekiranya masih ada beberapa komen yang kurang menyenangkan, tidak perlulah dilayan bagi mengelakkan ketegangan. Dengan cara ini, keadaan akan kembali tenang.

Kerajaan banyak menyediakan kemudahan untuk pengguna laman media sosial. Undang-undang penggunaan laman media sosial juga tidak berapa ditekankan oleh kerajaan hanya kerana di atas kepercayaan kepada individu iaitu rakyat Malaysia. Justeru, belajarlah menggunakan landasan ini dengan bijak dan jangan sampai memakan diri sendiri.

**Penulis**  
ialah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Modern dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.



**NOOR AZLINA ZAINAL ABIDIN**

azlina@ump.edu.my